



TEORI DISPOSISI: APLIKASI INSTRUMEN PENGUKURAN EMOSI DENGAN PENGUKURAN PERASAAN POSITIF DAN NEGATIF DALAM KESERONOKAN KANDUNGAN MEDIA

Aselawati Che Ab Adziz, Rohani Hashim dan Hasrina Mustafa

Bab ini membincangkan tentang konseptualisasi teori disposisi serta kegunaan teori ini dalam pelbagai bidang kajian. Justeru, dengan penggunaan teori ini dalam kajian, elemen penting yang mendasari teori adalah aspek pengukuran instrumen di dalam sesebuah kajian. Oleh itu, salah satu pengukuran yang mengaplikasikan teori disposisi sebagai alat ukur ialah Pengukuran Perasaan Positif dan Perasaan Negatif atau PANAS.

Teori Disposisi

Teori disposisi adalah teori keseronokan media berdasarkan resolusi naratif (Raney, 2004). Teori disposisi digunakan dalam bidang media seperti menerusi keseronokan penontonan drama, humor, sukan dan juga filem. Teori ini meramalkan bahawa keseronokan dan rayuan diperoleh daripada interaksi watak yang disukai dan hasil yang dialami watak itu. Secara definisinya teori disposisi merujuk kepada penonton yang menikmati sesuatu keseronokan semasa menonton dan mereka secara tidak langsung mempunyai satu pendirian diri dengan apa yang mereka tonton (Raney, 2004). Teori disposisi juga adalah berfungsi memberi keseronokan kepada penonton terhadap watak yang terlibat dalam jalan cerita. Secara lebih khusus, keseronokan adalah tinggi yang dialami oleh penonton

Aplikasi Teori dalam Kajian Media

apabila watak-watak yang disukai memberi pengaruh yang positif, namun jika watak-watak yang negatif akan memberi pengaruh yang negatif kepada penonton (Zillmann & Bryant, 1994). Penggerak di sebalik pembentukan disposisi ini ialah (penghakiman watak-watak) yang dikenali pasti sebagai empati. Dalam erti kata lain, jika individu yang menonton sangat suka terhadap watak yang ditonton perasaan empati mereka terhadap watak mudah dipengaruhi. Ini dapat dilihat menerusi kajian Weaver (1991), remaja yang menonton filem ganas mudah terlibat dengan aktiviti liar seperti seks dan sebagainya.

Teori ini juga menjelaskan bahawa penonton sesuatu media akan membuat pertimbangan moral terhadap watak secara naratif. Pertimbangan ini akhirnya akan memberi kesan terhadap keseronokan naratif tersebut (Zillmann 2003, 2006b; Zuckerman 1996). Teori ini dipelopori oleh Zillmann dan Cantor pada tahun 1972 dan telah diaplikasikan dalam pelbagai bidang hiburan (Raney, 2006). Umumnya, penonton akan menilai secara berterusan sesuatu watak sehingga mereka berupaya mengenalpasti sama ada watak tersebut baik atau jahat. Justeru itu, teori disposisi dapat menjelaskan bagaimana emosi memainkan peranan dalam pengalaman menonton. Teori disposisi kemudiannya telah diperbaharui oleh Raney (2006). Beliau telah mengutarakan enam prinsip yang mendasari aplikasi teori ini dalam kajian iaitu:

1. Penekanan kepada keseronokan dan penghargaan terhadap kandungan media.
2. Perhatian ditumpukan kepada tindak balas emosi terhadap kandungan media.
3. Keseronokan terhadap media bermula daripada perasaan penonton terhadap watak.
4. Tanggapan terhadap watak dibina dan kekal pada kognitum yang ekstrem iaitu sama ada terlampau positif atau terlampau negatif.
5. Teori ini bergantung kepada penilaian terhadap konflik antara watak.